



LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
BANGUNAN FAMA POINT, LOT 17304, JALAN PERSIARAN SATU,
BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN.
Tel: +603-60332020 Email : fama@fama.gov.my

SIARAN MEDIA

FAMA BAWA KEISTIMEWAAN PERLIS KE SELAYANG MENERUSI JUALAN AGRO MADANI EDISI PERLIS

SELAYANG, 22 Mei 2026 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menganjurkan Program Jualan Agro MADANI (JAM) Edisi Perlis di Pekarangan Ibu Pejabat FAMA, Selayang bagi menawarkan pelbagai produk agromakanan segar dan keperluan harian kepada pengguna pada harga penjimatan antara 10 hingga 30 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran setempat.

Program yang bertemakan “Pemasyhuran Jualan Agro MADANI Edisi Perlis 2026” ini menampilkan pelbagai jualan istimewa termasuk Harumanis Perlis premium, Kombo MADANI, ayam segar, daging tempatan, buah-buahan, sayur-sayuran segar serta produk usahawan Industri Makanan dan Asas Tani (IMAT).

Majlis perasmian Jualan Agro MADANI Edisi Perlis ini disempurnakan dengan keberangkatan DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis Bersama DYTM Tuanku Dr Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Puan Muda Perlis.

YBrs. Encik Abdul Rashid Bin Bahri, Ketua Pengarah FAMA berkata, Program Jualan Agro MADANI bukan sahaja membantu rakyat mendapatkan barangan keperluan dan hasil agromakanan segar pada harga lebih rendah, malah turut membuka lebih banyak peluang pasaran kepada usahawan tempatan untuk meningkatkan pendapatan mereka melalui konsep jualan terus kepada pengguna.

Menurut beliau, penganjuran JAM Edisi Perlis ini juga menjadi platform terbaik dalam mempromosikan produk premium negeri seperti Harumanis Perlis kepada pengguna di Lembah Klang, sekali gus memperkukuh agenda keterjaminan makanan negara serta menyokong pembangunan ekosistem pemasaran agro tempatan yang lebih mampan.

“FAMA akan terus memperluaskan pelaksanaan Program Jualan Agro MADANI di seluruh negara bagi memastikan lebih ramai rakyat menikmati manfaat penjimatan harga, di samping membantu usahawan meningkatkan daya saing dan pendapatan mereka,” katanya.

Antara tarikan utama program ialah jualan Happy Hour Kombo MADANI pada harga serendah RM5.00 bagi 100 set terawal, selain jualan Harumanis Perlis premium sebanyak 1,500 kilogram pada harga promosi RM100 bagi setiap kotak seberat tiga kilogram. Sebanyak dua metrik tan bekalan Harumanis turut dibawa khas dari Perlis bagi memenuhi permintaan pengunjung.

Selain itu, pengunjung turut berpeluang mendapatkan ayam segar pada harga RM10 seekor, daging tempatan RM25 sekilogram serta buah Longan Kristal Sarawak pada harga RM15 sekilogram. Program ini juga menyediakan edaran percuma sayur-sayuran dan Pulut Kucai Harumanis kepada pengunjung terawal.

Program Jualan Agro MADANI merupakan inisiatif di KPKM yang dilaksanakan oleh FAMA dengan kerjasama agensi di bawah kementerian bagi membantu rakyat mendapatkan bekalan makanan segar pada harga berpatutan melalui konsep jualan terus daripada pengeluar kepada pengguna. Program ini juga menjadi antara inisiatif quick win kerajaan dalam membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2023, Program Jualan Agro MADANI mencatatkan prestasi memberangsangkan dengan pelaksanaan ribuan program di seluruh negara. Pada tahun 2025 sahaja, sebanyak 4,695 program berjaya dilaksanakan dengan nilai jualan mencecah RM101 juta serta nilai penjimatan kepada pengguna sebanyak RM30.3 juta. Program ini turut memberi manfaat kepada hampir 27.58 juta isi rumah di seluruh negara.

Bagi penganjuran JAM Edisi Perlis di Ibu Pejabat FAMA kali ini, program menyasarkan kehadiran seramai 2,000 pengunjung dengan anggaran nilai jualan RM60,000 dan penjimatan sebanyak RM18,000 kepada pengguna. Sebanyak 46 lot jualan melibatkan penyertaan 30 usahawan disediakan sepanjang program berlangsung.

Penganjuran program ini diharap dapat terus memperkukuh rantai pemasaran produk agro tempatan, meningkatkan pendapatan usahawan serta memastikan rakyat mendapat akses lebih mudah kepada produk makanan segar berkualiti pada harga mampu milik.

Turut bersama dalam majlis itu, YBrs En Abdul Rashid bin Bahri, Ketua Pengarah FAMA dan pengurusan atasan serta pengurusan kanan FAMA.

#####

Disediakan oleh:

**Cawangan Korporat & Advokasi FAMA
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
22 Mei 2026**

